

# PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
BLOK C UTARA, PUSAT BANDAR DAMANSARA, KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

TEL : 03-20945222 FAX : 03-20954239

Ruj. Tuan : LPP(G) 5/6 ( 15 )  
Ruj. Kami :  
Tarikh :

## ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BIL. 1 TAHUN 2007

### Pindaan / Tambahan Kepada Kaedah Tatatertib Pekerja Pertubuhan Peladang

#### 1. Tujuan

Arahan ini bertujuan meminda dan menambah perkataan / ayat di Arahan Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2004 iaitu Kaedah Tatatertib Pekerja Pertubuhan Peladang.

#### 2. Latarbelakang

- 2.1 Kaedah Tatatertib Pekerja Pertubuhan Peladang telah dikeluarkan melalui Arahan Pendaftar Bil. 2 Tahun 2004 yang berkuatkuasa pada 22 April, 2004.
- 2.2 Selepas berkuatkuasa kaedah tersebut, kebanyakan PP telah membentangkannya di Mesyuarat Agung dan telah dikemukakan ke Pejabat Pendaftar untuk didaftarkan.
- 2.3 Walaubagaimanapun setelah kaedah tersebut diterimapakai, terdapat beberapa perkara yang memerlukan pindaan serta tambahan dalam kaedah tersebut maka Pendaftar mengeluarkan satu arahan baru bagi pindaan / tambahan kepada semua PP dalam melaksanakan kaedah tersebut.

3. **Pindaan-Pindaan Kepada Arahan Pendaftar Bil. 2 Tahun 2004**

3.1 **Perenggan 3 (m/s 2) – Tafsiran iaitu**

'Jawatankuasa Siasatan' ertinya suatu Jawatankuasa Penyiasat yang dilantik oleh Mesyuarat Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang yang terdiri tidak kurang dari 2 orang.

**Dipinda kepada :**

'Jawatankuasa **Penyiasatan**' ertinya suatu Jawatankuasa **Penyiasatan** yang dilantik oleh Mesyuarat Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang yang terdiri tidak kurang dari 2 orang.

3.2 **Perenggan 6(2)(m/s 4) – Etiket Pakaian iaitu**

Seseorang pekerja yang dikehendaki menghadiri sesuatu upacara rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi **ditambah kepada :**

Seseorang pekerja yang dikehendaki menghadiri sesuatu upacara rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi **upacara itu, dan jika etiket pakaian bagi upacara itu tidak ditentukan, dia hendaklah berpakaian yang sesuai bagi upacara itu.**

3.3 **Perenggan 31 (1) dan (2) (m/s 17) - Jawatankuasa Penyiasatan**

31(1) Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang kakitangan yang dilantik oleh Pengurus Besar.

**Dipinda kepada**

Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang yang dilantik oleh **Mesyuarat Jemaah Pengarah.**

31(2) Anggota-anggota Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah berpangkat lebih tinggi daripada perkerja yang disiasat itu tetapi Pengurus Besar perkerja yang disiasat itu tidak boleh menjadi anggota Jawatankuasa Penyiasatan.

**Dipinda kepada :**

Anggota-anggota Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah berpangkat lebih tinggi daripada perkerja yang disiasat itu tetapi **Ketua** perkerja yang disiasat itu tidak boleh menjadi anggota Jawatankuasa Penyiasatan.

**3.4 JADUAL PERTAMA Bahagian II – Jawatankuasa Rayuan Tatatertib  
(m/s 27)**

**Perlantikan Pekerja Ganti**

15(1) Jika Pengerusi sesuatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib ialah Pengerusi Pertubuhan Peladang, Pendaftar boleh, atas sebab-sebab yang hendaklah direkodkan, melantik seorang Pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang untuk bersidang sebagai Pengerusi Rayuan Tatatertib itu bagi menggantikan Pengerusi.

(2) Pendaftar boleh, atas sebab-sebab yang hendaklah direkodkan, melantik mana-mana kakitangan Lembaga Pertubuhan Peladang atau mana-mana penjawat awam untuk bersidang sebagai perkerja sesuatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib bagi menggantikan anggota yang dinyatakan dalam Lampiran.

**Dipinda kepada :**

**Perlantikan Ahli Jawatankuasa Ganti**

15(1) Jika Pengerusi sesuatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib ialah Pengerusi Pertubuhan Peladang, Pendaftar boleh, atas sebab-

sebab yang hendaklah direkodkan, melantik seorang Pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang/Lembaga Kemajuan Pertanian Muda/Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu/Jabatan Pertanian Sarawak untuk bersidang sebagai Pengerusi Rayuan Tatatertib itu bagi menggantikan Pengerusi.

- (2) Pendaftar boleh, atas sebab-sebab yang hendaklah direkodkan, melantik mana-mana pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang/ Lembaga Kemajuan Pertanian Muda/ Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu/ Jabatan Pertanian Sarawak atau mana-mana penjawat awam untuk bersidang sebagai anggota sesuatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib bagi menggantikan anggota yang dinyatakan dalam Lampiran.

**3.5 JADUAL PERTAMA Bahagian II – Jawatankuasa Rayuan Tatatertib (m/s 28) – Korum Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Tatatertib**

17. Pengerusi dan dua orang anggota lain sesuatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib hendaklah membentuk korum bagi tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Tatatertib itu

**Dipinda kepada :**

Pengerusi dan dua orang anggota lain sesuatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib hendaklah membentuk korum bagi tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Tatatertib itu.

**3.6 LAMPIRAN (m/s 30) – Keanggotaan Jawatankuasa Tatatertib Dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pertubuhan Peladang**

**1. JAWATANKUASA TATATERTIB**

Ahli: Dua orang Ahli Jemaah Pengarah dilantik oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah

**Dipinda kepada :**

Ahli : **Tiga** orang Ahli Jemaah Pengarah dilantik oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah

Tambahan kepada Keanggotaan Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib seperti berikut :

Urusetia: Urusetia bagi Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib PP hendaklah ditentukan oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah

3.7 Perkataan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda/ Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu/ Jabatan Pertanian Sarawak serta pegawai dan pekerja hendaklah ditakrifkan mengikut agensi masing-masing seperti berikut :

- a. 'Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)' ertinya sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972 (Akta 70).
- b. 'Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)' ertinya sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 (Akta 69).
- c. Jabatan Pertanian Sarawak ertinya sebuah Jabatan Pertanian yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.
- d. 'Pegawai' Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ertinya pegawai yang ditempatkan atau dipinjamkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda kepada Pertubuhan Peladang yang tatatertib dan tatakelakuan mereka tertakluk kepada Akta

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972 (Akta 70) dan Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

- e. 'Pegawai' Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) ertinya pegawai yang ditempatkan atau dipinjamkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu kepada Pertubuhan Peladang yang tatatertib dan tatakelakuan mereka tertakluk kepada Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 (Akta 69) dan Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.
- f. 'Pegawai' Jabatan Pertanian Sarawak ertinya pegawai dan staf yang ditempatkan untuk bertugas/ dipinjamkan oleh Jabatan Pertanian Sarawak kepada Pertubuhan Peladang yang tatatertib dan tatakelakuan mereka masih tertakluk kepada Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (The State Public Service General Order, 1996) dan Peraturan-peraturan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Public Service Commission Rules, 1996)
- g. 'Pekerja' ertinya kakitangan yang diambil bekerja dibawah sesuatu skim perkhidmatan Pertubuhan Peladang ini. Khusus bagi Kaedah ini, Anggota Lembaga Kemajuan Pertanian Muda yang ditempatkan atau dipinjamkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda kepada Pertubuhan Peladang.
- h. 'Pekerja' ertinya kakitangan yang diambil bekerja dibawah sesuatu skim perkhidmatan Pertubuhan Peladang ini. Khusus bagi Kaedah ini, Anggota Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu yang ditempatkan atau dipinjamkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu kepada Pertubuhan Peladang.
- i. 'Pekerja' ertinya kakitangan yang diambil bekerja di bawah sesuatu skim perkhidmatan Pertubuhan Peladang ini. Khusus bagi Kaedah ini, Pekerja Jabatan Pertanian Sarawak yang

ditempatkan atau dipinjamkan oleh Jabatan Pertanian Sarawak kepada Pertubuhan Peladang.

**4. Tarikh Kuatkuasa**

- 4.1 Arahan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Arahan Pendaftar Bil 2 Tahun 2004 – Kaedah Tatatertib Pekerja Pertubuhan Peladang.
- 4.2 Mana-mana Pertubuhan Peladang (PP) yang telah mendaftar Kaedah Tatatertib Pekerja Pertubuhan Peladang sebagaimana Arahan Pendaftar Bil. 2 Tahun 2004 maka kaedah tersebut tidak perlu didaftar semula tetapi hanya perlu meminda atau menambah dengan Arahan yang baru.
- 4.3 Arahan ini berkuatkuasa mulai.....28.....haribulan.....**Februari**.....tahun  
Dua Ribu Tujuh

  
(DATO' HAJI ABD. RAHIM BIN HAJI AHMAD)  
Pendaftar  
Pertubuhan Peladang